



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT Sulit 495 Jld. 1/(25)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT  
LORONG PERAK  
PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR  
No. Telefon: 03-41085191  
No. Faksimili: 03-41085178  
e-mail: [secretary@ljt.org.my](mailto:secretary@ljt.org.my)  
laman web: [www.ljt.org.my](http://www.ljt.org.my)

**23** Ogos 2016

**Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia**

**Semua Pengarah Ukur Negeri**

**Presiden Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia**

*Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,*

## **PEPERIKSAAN BAHAGIAN I - AMALAN KADASTER BAGI TAHUN 2016**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan dasar kerajaan yang memberikan keutamaan kepada juruukur yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam didaftarkan sebagai Juruukur bertauliah bagi membolehkan mereka dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat, maka Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (Lembaga) di dalam Mesyuaratnya ke 463 pada 18 Ogos 2016 telah bersetuju untuk mengadakan Peperiksaan Bahagian I – Amalan Kadaster buat kali keduanya bagi tahun 2016 pada **30 November 2016**.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Lembaga memohon Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk menghebahkan di jabatan atau organisasi masing-masing kepada calon-calon yang berhasrat untuk menduduki peperiksaan tersebut.

4. Syarat-syarat bagi calon untuk menduduki peperiksaan berkenaan adalah seperti berikut:

- 4.1 Memiliki Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) atau Ijazah Sarjana Muda (Geomatik) yang diiktiraf oleh Lembaga seperti di Jadual 7 Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 atau daripada mana-mana institusi pengajian tinggi dalam/luar negara yang mana program pengajian telah diiktiraf oleh Lembaga.

4.2 Menjadi ahli berbayar (*subscribing*) dengan Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia

5. Permohonan beserta **bayaran** perlu dibuat dengan menggunakan Borang yang dilampirkan bersama ini. Pembayaran sebanyak **RM200** (Ringgit Dua Ratus Sahaja) boleh dibuat melalui M.O/Deraf/Cek Bank atas nama Lembaga Jurukur Tanah.

6. **Tarikh tutup** permohonan adalah pada **3 Oktober 2016**.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



(Sr ISMAIL BIN HARUN)

*Setiausaha*

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

**LAMPIRAN 'A'**

**SURAT TUAN : LJT 495 Jld 1/(25)**

TARIKH :

Setiausaha  
Lembaga Jurukur Tanah  
Aras 5-7, Wisma LJT  
Lorong Perak  
Pusat Bandar Melawati  
53100 Kuala Lumpur

Tuan,

**PEPERIKSAAN BAHAGIAN I - AMALAN KADASTER BAGI TAHUN 2016**

Saya memohon untuk menduduki Peperiksaan Bahagian I – Amalan Kadaster bagi tahun 2016 dan sila daftarkan butiran yang berkenaan:

1. Nama : \_\_\_\_\_
2. No. K/P : \_\_\_\_\_
3. Alamat :  
(surat-menyurat rasmi)
4. No. Tel. (pej) :  
(h/p) : \_\_\_\_\_
- No. fax : \_\_\_\_\_
5. Email : \_\_\_\_\_

Dengan ini disertakan \*\* Cek/P.O/M.O/Deraf bernombor \_\_\_\_\_ yang bernilai RM \_\_\_\_\_ atas nama **Lembaga Jurukur Tanah**.

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN)

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN & PEMBAYARAN : 3/10/2016**

- *sila lampirkan bersama :*
1. *Salinan Kad Pengenalan*
  2. *Salinan Sijil (Ijazah)*
  3. *Transkrip*